

14/01/1998

Saham syarikat perladangan berpotensi

BANGI, Selasa - Kenaikan harga komoditi utama tempatan ekoran kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika, menjadikan saham syarikat tempatan berasaskan perladangan sebagai saluran pelaburan yang berpotensi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, keadaan sekarang adalah masa yang paling sesuai untuk membuat pelaburan dalam syarikat berasaskan perladangan.

"Ada beberapa industri kini, seperti yang berasaskan minyak sawit, lebih menguntungkan berbanding sebelumnya. Ini ialah masa terbaik untuk membeli dan melabur dalam saham syarikat peladangan," katanya selepas merasmikan Taman Teknologi Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT Tech-Park), di sini hari ini.

Sejak negara dilanda kegawatan ekonomi, yang berpunca daripada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham Julai lalu, banyak pihak berpendapat sukar untuk membuat pelaburan yang bijak.

Bagaimanapun, kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika, meningkatkan harga beberapa komoditi utama tempatan kerana ia diurusniagakan menerusi pelbagai kontrak yang disebut harga dalam mata wang utama dunia.

Sehubungan itu, kenaikan harga komoditi utama khususnya minyak sawit dan getah menjanjikan pulangan lumayan kepada syarikat peladangan bagi tahun kewangan semasa masing-masing.

Di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) semalam, kontrak hadapan minyak sawit mentah bagi bulan semasa ditutup pada RM2,520 setan metrik berbanding hanya RM1,315.50, pada Januari tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, walaupun harga saham syarikat peladangan tidak naik, pelaburan dalam syarikat itu tidak merugikan kerana mereka masih mencatatkan untung yang baik.

Menurutnya, kejatuhan harga saham syarikat peladangan membuktikan betapa rakyat lebih cenderung melihat harga saham yang dibeli naik kerana hanya berminat hanya dengan keuntungan modal, bukannya prestasi syarikat.

Penganalisis yang dihubungi bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri itu berkata, di sebalik peningkatan harga komoditi tempatan, kejatuhan harga saham syarikat peladangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memang dijangka.

(END)